

**Penggasuh perlu ikuti kursus  
mendidik kanak-kanak**

Pengasuh Taska perlu memiliki pengetahuan asas mengenai cara asuhan kanak-kanak yang betul sebelum mereka memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

■ ROSNANI SAAD

**SHAH ALAM** - Peningkatan bilangan ibu yang bekerja terutamanya di kawasan seperti Lembah Klang menyebabkan permintaan untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak atau Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) turut meningkat.

Menghantar anak-anak mereka ke Taska merupakan salah satu alternatif yang lazimnya diambil oleh mereka selain rumah pengasuh, namun tujuannya tetap sama iaitu untuk bagi memastikan anak-anak mereka dijaga dan diasuh dengan baik.

Pengerusi Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS), Mahanom Basri berkata, Taska merupakan premis yang menawarkan penjagaan kanak-kanak yang berusia seawal usia dua bulan sehingga empat tahun setengah, iaitu sebelum mereka mengikuti pengajaran peringkat seterusnya yang lebih formal.

"Taska biasanya lebih kepada 'play-house' iaitu tempat untuk kanak-kanak bermain sambil belajar dan dalam masa yang sama kanak-kanak



Sebahagian daripada mereka yang menyertai Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak baru-baru ini.

ini juga dididik dan diasuh dengan nilai-nilai murni.

"Justeru, pengasuh-pengasuh Taska perlulah memiliki pengetahuan asas mengenai cara asuhan kanak-kanak yang betul sebelum mereka memberikan perkhidmatan kepada masyarakat," katanya semasa ditemui baru-baru ini.

Tambah beliau, semua pengasuh perlu mempunyai sijil sebelum membuka pusat asuhan tersebut, malah mereka sewajarnya mengikuti kursus asas asuhan kanak-kanak bagi mempelajari cara yang betul mendidik kanak-kanak.

"Melalui kursus asas asuhan kanak-kanak, peng-

asuh akan didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan mutu asuhan kanak-kanak di Taska masing-masing.

"Di samping itu, ia juga bertujuan membolehkan pengasuh menjadi pengasuh berdaftar mengikut Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Di Institusi) 1985.

"Pelbagai aspek akan diterangkan secara menyeluruh merangkumi perkembangan menyeluruh kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, aktiviti-aktiviti untuk perkembangan kanak-kanak, kesihatan,

pemakanan, persekitaran, perancangan, pentadbiran dan lain-lain," katanya.

Tambahnya lagi, ibu bapa tidak seharusnya menanggung risiko di atas kecuaiian yang dilakukan oleh pengasuh terhadap anak-anak mereka, hanya kerana pengasuh tersebut terdiri daripada mereka yang tidak terlatih dan tidak dipantau oleh penyelia. Justeru saya berharap agar semua taska yang belum berdaftar menyertai kursus ini sebagai persediaan awal.

"Kursus asas asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh PTNS dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat ini dijalankan selama 17 hari,

melibatkan sebanyak 28 modul yang diajar oleh pensyarah dan jurulatih yang diiktiraf.

"Sehingga kini sambutan yang diterima amat menggalakkan dan penyertaan tidak terhad kepada pengasuh yang berada di sekitar Lembah Klang, bahkan juga daripada negeri-negeri lain, tanpa mengira bangsa.

"Mereka yang berminat untuk mengikuti kursus ini perlulah mendaftarkan diri lebih awal," katanya.

Bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi di talian 03-5510 7655 atau melayari laman web di [www.taskaselangor.org.com](http://www.taskaselangor.org.com).